

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya
No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN YANG DIBENARKAN BEROPERASI DIBAWAH FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA

PUTRAJAYA, 17 OGOS 2021 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil maklum pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin pada 15 Ogos 2021 mengenai Kemudahan Sektor Ekonomi sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Dalam pengumuman tersebut, Kerajaan telah bersetuju memberikan kelonggaran kepada 22 sub-sektor perdagangan dan pengedaran untuk beroperasi semula berkuatkuasa 16 Ogos 2021 dengan syarat **kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa di negeri berkenaan mestilah telah mencapai sekurang-kurangnya 50% dan individu-individu yang ingin memanfaatkan kemudahan ini juga mestilah telah menerima vaksinasi lengkap.**

Senarai sub-sektor tambahan yang dibenarkan kembali beroperasi dibawah fasa PPN adalah seperti berikut:

Fasa 1	Fasa 2
Kedai cuci kereta	Kedai barang fotografi dan perkhidmatan fotografi
Kedai elektrik dan elektronik	Kedai barangan terpakai
Kedai barangan rumah dan peralatan dapur	Kedai bunga dan nurseri
Kedai perabot	Kedai kraftangan dan cenderahati
Kedai peralatan sukan	Kedai antik

Kedai aksesori kereta	Kedai alat permainan
Pusat pengedaran dan jualan kereta	Kedai permaidani
Pasar pagi dan pasar tani sahaja	Kedai kandungan kreatif dan peralatan industri kreatif
Kedai pakaian, fesyen dan aksesori	Kedai peralatan outdoor (termasuk peralatan perkhemahan, memancing dan lainlain)
Kedai barang kemas	Kedai kosmetik, penjagaan kulit dan minyak wangi
Kedai gunting rambut dan pusat/salun kecantikan (perkhidmatan gunting rambut asas sahaja)	Kedai tembakau (termasuk vape dan rokok elektronik)

Selaras dengan pembukaan semula sub-sektor tambahan tersebut, KPDNHEP ingin memaklumkan perkara-perkara berikut:

- (i) Semua pemilik premis perniagaan perlu **memastikan pelanggan yang memasuki premis menunjukkan sijil digital vaksinasi COVID-19 (Digital Certificate)** bagi membuktikan individu tersebut telah menerima vaksinasi lengkap iaitu bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan (Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac), **individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua** atau bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (Johnson & Johnson dan CanSino), **individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan;**
- (ii) Semua syarikat dibawah sektor perdagangan pengedaran yang dibenarkan beroperasi semula **TIDAK PERLU** mengemukakan maklumat pekerja yang telah mendapat vaksin lengkap untuk beroperasi;
- (iii) Sub-sektor perdagangan pengedaran di **Negeri-negeri dibawah Fasa 2 PPN (Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Pulau**

Pinang dan Sabah) boleh beroperasi semula **TANPA PERLU** mencapai kadar vaksinasi lengkap 50% populasi dewasa di negeri berkenaan; dan

- (iv) Pemilik premis **perlu membuat permohonan kebenaran beroperasi** melalui sistem Centralised Information Management System (CIMS) di pautan <https://notification.miti.gov.my/login>. Walau bagaimanapun **pemain industri dan pemilik premis boleh beroperasi TANPA PERLU menunggu kelulusan daripada KPDNHEP**. Semua bukti permohonan melalui CIMS hendaklah disimpan untuk dijadikan bukti bila diperlukan.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Penedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03-88826322/6587 atau melalui emel kepada roa@kpdnhep.gov.my.

###

**Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Putrajaya, 18 Ogos 2021**

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

